

Hebahan Media

16 Ogos 2022

MEMBINA KEBOLEHPASARAN GRADUAN: PERMOHONAN DIBUKA UNTUK PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL ILTIZAM (PDP) 2023 OLEH EKUINAS

Graduan Bumiputera yang tiada pekerjaan atau yang mempunyai pekerjaan yang tidak setaraf dengan tahap pengajian digalakkan memohon untuk menyertai Program ILTIZAM PDP iaitu latihan sambil bekerja selama 12 bulan di syarikat-syarikat berwibawa, dengan gaji bulanan RM2,500 berserta caruman KWSP dan PERKESO serta faedah perubatan dan insuran.

Sorotan utama: -

- Sejak 2012, Ekuinas melalui ILTIZAM PDP telah berjaya membantu hampir 600 graduan dalam membina kerjaya.
- Kadar kejayaan ILTIZAM PDP sesi 2021 adalah 95 peratus mana 95 peratus dari 75 orang graduan yang menyertai program ini berjaya mendapat pekerjaan tetap dalam tempoh 6 bulan setelah tamat latihan.
- Permohonan untuk ILTIZAM PDP sesi 2023 kini dibuka sehingga 30 September 2022.

KUALA LUMPUR, 16 Ogos 2022: ILTIZAM, cabang Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), mempelawa graduan Bumiputera yang tiada pekerjaan selama enam bulan atau lebih atau mereka yang mempunyai pekerjaan tidak setaraf dengan tahap pengajian, digalakkan untuk memohon serta menyertai Program Pembangunan Profesional (PDP) 2023 bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka di dalam dunia pekerjaan.

Permohonan untuk pengambilan sesi 2023 dibuka mulai 15 Ogos hingga 30 September 2022. Program ini disasarkan kepada graduan Bumiputera dari institusi pendidikan tempatan, di bawah umur 28 tahun. Keutamaan diberikan kepada mereka daripada isi rumah B40, dengan pendapatan bulanan kasar isi rumah di bawah RM5,000 sebulan. Graduan dari semua bidang pengajian boleh memohon.

Menurut Statistik Graduan 2020 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), daripada 5.36 juta graduan pada tahun 2020, 202,400 graduan, atau 4.4 peratus menganggur dan daripada jumlah ini, 70 peratus adalah Bumiputera dan majoriti adalah dari kumpulan B40 dan M40. Walaupun jumlah graduan menganggur telah menurun ke 197,400 pada tahun 2021 sejajar dengan pemulihan ekonomi, namun angka ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun sebelum pandemik.

Pengarah Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Ekuinas, Hizwani Hassan berkata, program PDP bertujuan untuk membantu graduan Bumiputera bukan sekadar mendapat pekerjaan bahkan membina kerjaya cemerlang dan menjadi contoh dan pemimpin kepada komuniti dan rakan sebaya mereka.

"Sejak ILTIZAM PDP dilancarkan pada tahun 2012, kami telah membantu hampir 600 graduan untuk membina kerjaya mereka melalui program latihan sambil bekerja selama 12 bulan di mana mereka ditempatkan sebagai Pelatih Eksekutif di Ekuinas dan syarikat-syarikat rakan kongsi kami. Selain daripada memberi pendedahan dan pengalaman bekerja yang penting dan bermakna, latihan kami memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran insaniah, komunikasi dan kepimpinan yang merupakan kemahiran utama yang diperlukan untuk Pelatih Eksekutif kami meningkatkan kebolehpasaran mereka, berdaya saing dan cemerlang dalam alam pekerjaan yang mencabar masa kini. Setiap Pelatih Eksekutif juga dimentor sepanjang program. Hubungan yang dibina semasa program kekal erat selepas program tamat."

"Kadar kejayaan program ILTIZAM PDP pada sesi 2021 adalah membanggakan dimana 95 peratus daripada 75 orang Pelatih Eksekutif telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat program. Ini merupakan suatu hasil yang positif, dengan keadaan ekonomi yang mencabar ekoran pandemik COVID-19. Selepas tamat program, pelatih-pelatih ini berpeluang diserap masuk untuk bekerja di Ekuinas serta syarikat-syarikat rakan kongsi kami malah ada juga yang mendapat pekerjaan di syarikat tempatan dan syarikat global yang terkemuka," kata Hizwani.

Selain daripada latihan sambil bekerja, Pelatih Eksekutif ILTIZAM PDP juga menjalani program latihan khusus seperti kemahiran perniagaan dan pengurusan, kepimpinan, komunikasi Bahasa Inggeris, kemahiran pembentangan, dinamik pasukan dan daya ketahanan. Mereka juga dibimbing oleh mentor sepanjang tempoh program ini. Setiap Pelatih Eksekutif menerima gaji

bulanan sebanyak RM2,500 berserta caruman KWSP, PERKESO serta faedah perubatan dan insuran.

"Kami terus menambahbaik kurikulum ILTIZAM PDP agar kekal relevan dalam melahirkan individu yang konfiden, kompetitif dan cekal. Ekuinas bagaikan 'finishing school' untuk graduan selepas menamatkan pengajian tinggi mereka," tambah Hizwani.

Permohonan untuk ILTIZAM PDP sesi 2023 boleh dihantar melalui <https://iltizam.ekuinas.com.my/pillars/education/pdp/> atau hubungi 03-7710 7171.

-Tamat-

Mengenai Ekuinas CSR (ILTIZAM)

ILTIZAM diilhamkan oleh kehendak dan keazaman untuk berusaha ke arah merealisasikan potensi seseorang. Seperti yang tersirat dengan nama, ILTIZAM menyampaikan semangat program ini dalam mengorak perubahan hidup dan memberi inspirasi kepada mereka yang terlibat. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan komuniti Bumiputera dan membantu merealisasikan potensi mereka sepenuhnya. ILTIZAM memberi tumpuan kepada tiga tonggak utama iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti. Untuk maklumat lanjut mengenai ILTIZAM, log masuk ke www.ekuinas.com.my/iltizam.

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) adalah syarikat pengurusan dana ekuiti swasta berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan pembiayaan kerajaan sebanyak RM5 bilion, Ekuinas berhasrat untuk mewujudkan generasi syarikat terkemuka Malaysia yang seterusnya menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang adil, berkesan dan mampan. Sehingga kini, Ekuinas telah menjalankan pelaburan dalam syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam perniagaan barangan pengguna yang bergerak pantas (FMCG), minyak dan gas, logistik, pendidikan, makanan dan minuman runcit, serta penjagaan kesihatan.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Affirah Naquiyah
Weber Shandwick
M: +6012 6725 882
E: affirah.naquiyah@webershandwick.my

Amira Amrang
Weber Shandwick
M: +6017 2883 711
E: amira.amrang@webershandwick.my